

DATE : 05 FEB 2018
PUBLICATION : KOSMO
SECTION : NEGARA
HEADLINE : NORRAESAH ANTARA 40 INDIVIDU TERKAYA MALAYSIA PADA 2017
CATEGORY : MENTION
MEASUREMENT : 78.4CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Norraesah antara 40 individu terkaya Malaysia pada 2017

KUALA LUMPUR - Pengerusi Eksekutif MyEG Services Bhd. (MyEG), Datuk Dr. Norraesah Mohamad disenaraikan antara 40 individu terkaya di Malaysia pada tahun 2017 dengan kekayaan sebanyak RM3.36 bilion bersama rakan perniagaan beliau, Wong Thean Soon.

Menurut laporan yang dikeluarkan akhbar *The Star*, Norraesah dan Thean Soon disenaraikan pada kedudukan ke-19 individu terkaya menerusi pegangan saham MyEG dan Excel Force MSC Bhd.

"Norraesah, yang juga bekas Pengerusi Bank Rakyat, dan Tean Soon mempunyai kepentingan dalam kedua-dua syarikat tersenarai tersebut menerusi Asia Internet Holdings Sdn. Bhd., Asia Internet E-Services



NORRAESAH



SYED MOKHTAR



KAMARUDIN

Holdings dan Radio Port Ltd.," kata akhbar berkenaan baru-baru ini.

The Star melaporkan, seorang lagi usahawan Melayu, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary yang menguasai MMC Corporation Bhd. disenaraikan sebagai in-

dividu ke-14 terkaya dengan kekayaan sebanyak RM5.25 bilion.

"Sementara itu, Pengerusi Eksekutif AirAsia Bhd., Datuk Kamarudin Meranun pula disenaraikan sebagai individu ke-17 terkaya dengan kekayaan gabungan sebanyak RM3.95 bilion

bersama Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes," katanya.

Tambah laporan berkenaan, Kamarudin dan Tony merupakan antara tujuh nama baharu dalam senarai 40 individu terkaya tahun lalu terutama selepas harga saham AirAsia melonjak ekoran penstrukturan semula dalaman syarikat penerbangan tambang rendah berkenaan.

"Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Serba Dinamik Holdings Bhd., Abdul Kadier Sahib pula disenaraikan sebagai individu ke-23 terkaya dengan memiliki kekayaan sebanyak RM2.499 bilion.

"Kekayaan Abdul Kadier turut dikongsi bersama dua pe-

megang saham terbesar syarikat penyedia perkhidmatan kejuruteraan minyak dan gas berkenaan iaitu Datuk Mohd. Abdul Karim Abdullah dan Datuk Awang Daud Awang Putera," jelasnya.

Dalam pada itu, mendahului senarai individu terkaya di Malaysia ialah Tan Sri Robert Kuok yang mempunyai pegangan kawalan dalam tiga syarikat tersenarai di Malaysia iaitu PPB Group Bhd., Malaysian Bulk Carriers Bhd. dan Shangkri-La Hotels (M) Bhd. dengan kekayaan sebanyak RM49.9 bilion.

Sementara di tempat kedua ialah Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Kok Thay dengan kekayaan sebanyak RM23.8 bilion.